

KEGAWATAN

Cerekayasa adalah *imprint* **Kawah Buku** yang menerbitkan judul-judul bacaan umum dan karya-karya kreatif bermutu tinggi. Adapun sebagai paluh yang mengadun pujangga kata dan imaginasi, cap cetak ini mahu menjadi gapura kepada naratif yang memukau dan keajaiban daya pengaryaan. Lambang Cerekayasa, yakni gabungan kelopak bunga yang mekar dan liuk nyala api, merupakan suatu pernyataan sikap penerbitan terhadap kualiti, kepelbagaian dan percikan keindahan kesusasteraan.

“*Blessings in disguise...* ada rahmat terselindung di sebalik kejadian ini.”

“Apa?”

KEGAWATAN

Faisal Tehrani



cerekayasa

Bangi

Cetakan Pertama 2024

Hak cipta tulisan © Faisal Tehrani

Hak cipta penerbitan © Kawah Buku

Novel *Kegawatan* pernah diterbitkan oleh Al-Ameen Serve Holdings bersekali dalam kumpulan cerita berjudul *3 Kali Seminggu* pada tahun 2010.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Cerekayasa, *imprint*

Kawah Buku

Bandar Baru Bangi

43650 Selangor

press.kawahbuku.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-26405-5-4

Semakan dan suntingan oleh Iskandar Kamel

Bacaan semak oleh Azan Safar

Konsep dan reka bentuk kulit buku oleh Iskandar Kamel

Lakaran kulit buku oleh Ezzwan Mardzi

Diterbitkan di Malaysia

Dicetak oleh Vinlin Press

nota penerbit

Penerbitan semula novelet *Kegawatan*, datang tanpa dirancang, malah tanpa diduga langsung. Sebetulnya ucapan berterima kasih kami seharusnya ditujukan kepada Faisal Tehrani kerana sudi menyumbang manuskrip novelet ini kepada kami untuk diterbitkan semula. Justeru kami mahu memulakan bingkisan nota kecil ini dengan menyatakan penghargaan buat Faisal Tehrani yang terutamanya, dan juga buat Yana Rizal, penterjemah *Kegawatan* ke dalam Bahasa Inggeris, dengan judul *Crises* untuk menjadikan penerbitan novelet ini serentak dalam dua bahasa sekaligus.

Kami tidak pernah berani untuk bermimpi, yang pada satu masa kelak, Kawah Buku akan menerbitkan karya Faisal Tehrani. Mungkin dalam satu segi, kami sedar diri. Namun dalam segi yang lainnya, kami pun tidak punya niat yang khusus untuk menerbitkan judul-judul fiksiyen. Keutamaan kami, untuk judul-judul sebelum ini dan yang akan datang, adalah berkisar genre bukan fiksiyen, dalam bidang sains sosial — umumnya.

Namun, manuskrip *Kegawatan* hadir tanpa kami duga. Semuanya bermula sewaktu perbincangan Azan Safar dan Faisal Tehrani untuk menjayakan Siri Syarahan Guru Bangsa. Sesuai

syarahan pertama Guru Bangsa, yang disampaikan oleh Faisal Tehrani berkenaan Abdullah Munshi, beliau menyerahkan dua buah buku kepada kami; *Tiga Kali Seminggu* dan *The Nun & Crises*. Dalam kedua-dua buah buku tersebut, terdapat novelet *Kegawatan* dan juga versi terjemahannya oleh Yana Rizal.

Kedua-dua buku ini, sudah tiada dalam pasaran. Dan yang keduanya, kami juga baru sedar, *Tiga Kali Seminggu* sebenarnya merupakan buku pertama Faisal Tehrani yang diharamkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2015 (dan menjadikan novelet *Kegawatan* yang termuat di dalamnya, turut sama diharamkan). Namun, tanggal 10 Januari 2018, tiga hakim di Mahkamah Rayuan — Tengku Maimun Tuan Mat, Ahmadi Asnawi dan Zaleha Yusof — telah membatalkan larangan dan pengharaman tersebut, bersama tiga buah karya beliau yang lain. Menurut Faisal Tehrani, beliau dan peguamnya “masih meraya dan meraikannya setiap tahun” kemenangan itu.

Faisal Tehrani menyerahkan kepada kami, dengan niat untuk kedua-dua versi novelet ini diterbitkan semula. Pada asal mulanya, beliau meminta supaya digabungkan sahaja dalam sebuah buku — namun kami memikirkan bahawa penerbitan dalam bentuk sebegini menjadi semacam pemaksaan kepada pembaca untuk membeli suatu perkara yang mereka tidak akan baca, malah. Justeru, kami mengambil keputusan untuk menerbitkannya dalam dua buku berbeza, *Kegawatan* dan *Crises*.

Membaca *Kegawatan*, sebenarnya mudah. Novelet ini ditulis

oleh Faisal Tehrani dalam rembang usianya 16 tahun. Dalam perbualan kami dengan Faisal Tehrani, beliau memberitahu bahawa garis masa penulisannya meleret. Boleh jadi beliau sudah menulis *Kegawatan* sehingga hampir siap, dan menyimpannya dalam laci — menurut beliau sendiri — dan kemudiannya menyempurnakannya sewaktu beliau menyambung pengajian Sarjana Muda di Universiti Malaya. Ini semestinya telahan kami sendiri, sementelah membaca *Kegawatan*, kami melihat sisi-sisi Faisal Tehrani dalam pembawakan watak-watak yang berlatarkan zaman pengajian beliau di universiti tersebut.

Menerusi tiga watak utama iaitu Barom, Jarjis dan Hilda, *Kegawatan* berkisarkan tema kegawatan dalam pelbagai segi yang saling bersimpang siur; baik kegawatan akibat bencana alam semula jadi, kegawatan fikrah, kegawatan nafsu, kegawatan identiti dan bahkan, kegawatan kemanusiaan. Barom dan Jarjis adalah dua watak yang mendiami kutub yang berbeza, tetapi berkongsi citra dan cinta yang sama. Mereka berdepan dengan kegawatan diri masing-masing yang akhirnya bertaut apabila seluruh pelosok Kuala Lumpur menjadi padang jarak padang tekukur akibat gempa bumi.

Membaca *Kegawatan*, pada kami, seumpama membaca Faisal Tehrani yang sedang memberontak. Dia senantiasa dalam keadaan tidak tenteram, tidak senang duduk dengan apa yang ada di hadapannya. “Kukira kemalasan ... bukanlah suatu kesalahan,” adalah pernyataan jiwa yang sedang memberontak. Menerusi Jarjis, Faisal Tehrani menjadi seorang manusia yang

tidak bermuka-muka. Kemalasan menjadi suatu bentuk simbol perlawanan kepada sistem yang beraja menghambakan manusia. Tetapi kita dapat mengesani, arakian itu juga adalah bentuk kegawatan yang melanda Jarjis (atau Faisal Tehrani sendiri). Jarjis tidak bermuka-muka dalam menyatakan kehendak nafsunya kepada manusia yang berlawanan jantina dengannya. Jarjis tidak berlapik untuk melanggar undang-undang bodoh. “Apa bezanya lagipun,” Jarjis tidak bermuka-muka untuk menunjuk dia berpihak kepada kebenaran atau kebatilan. Berbeza dengan Barom, yang bergulat dengan kegawatan lain berbanding Jarjis, tetapi gempa bumi telah mempertemukan mereka, bertaut dan berkelahi, saling berlawanan, sehingga akhirnya Jarjis mengalah, “Aku suka kalian.”

Menerusi Barom, kita membaca Faisal Tehrani yang idealis, Islami mungkin. Barom mengingatkan kita kepada Faisal Tehrani dalam versi *Tuhan Manusia*. Barom gawat dan resah melihat masyarakat Melayu membuntuti Barat secara buta tuli. Barom tidak apologetik dengan agama dan keimanannya. “Pemikiran Barat hakikatnya menggari kita ... menggari otak manusia,” demikian tuntas Barom bermonolog dengan dirinya sendiri. Watak Barom adalah pernyataan sikap yang jelas berlawanan dengan Jarjis. “Kita kena lihat acuan kita, kita mahukan acuan kita,” Barom bertegas dalam gawat. Kami mengulang apa yang ditulis Yana Rizal, dalam nota penterjemah *Crisis*, bahawasanya *Kegawatan* memberi gambaran kepada percikan kebangkitan Revolusi Iran yang mempengaruhi tulisan Faisal Tehrani,

sewaktu manuskrip novelet ini awal-awal digarap.

Hilda pula, menjadi watak pemersatu, meminjam Profesor Afka, “*unifying factor*”. Dia menjadi titik temu antara Barom dan Jarjis. “Hilda? Hilda mandi tak?” Jarjis bergurau nakal, membuatkan Barom ketawa kecil. Dari malam itu, sehingga ke malam mereka bertiga berbumbung bintang di Port Jackson Bay — Hilda menjadi titik temu watak dua lelaki itu berulang kali.

Meletakkan *Kegawatan* menerusi ceropong sebegini, membuatkan kami mencongak bahawa, novelet ini boleh jadi semacam cuplikan kepada watak dan perwatakan Faisal Tehrani dalam setiap satu turutan karyanya yang seterusnya, seusai usianya semakin mendewasa dan sehingga kini. Mungkin.

Sewaktu proses penyuntingan manuskrip buku ini, kami sempat berbual dengan Ahmad Muziru dan kami menyatakan niat untuk meminta beliau menuliskan, atau memberi sebab, mengapa *Kegawatan* perlu diterbitkan semula. Apakah nilai penerbitan ini hanya bertumpuk kepada penilaian modal dan pasaran semata-mata, kerana menjual nama Faisal Tehrani, atau ada nilai dan justifikasi lainnya?

Niat itu tidak kesampaian, tetapi kami bertemu dengan Ali Taqi, dalam *Perempuan Nan Bercinta*, yang kami fikir, cukup untuk menjadi alasan kepada kami, mengapa *Kegawatan* dan *Crises* perlu diterbitkan semula, dan dibaca oleh khalayak. Ali Taqi berhujah, “Tidak, saya tidak menulis untuk ditujukan kepada tuan-tuan. Saya mengarang untuk masa hadapan. Saya

anggap sebahagian besar pembaca kajian saya hari ini, di luar sana, ibarat raja yang suka bertepuk tangan dan mengangguk. Khalayak lain yang akan menilai saya. Khalayak mendatang akan bertepuk tangan, mengangguk dan betul-betul mengerti kerana mencapai inti.” Demikianlah, penerbitan semula ini adalah untuk para pembaca dan usaha ini adalah penerusan kepada hasrat Ali Taqi, untuk memberi peluang kepada khalayak mendatang membaca Faisal Tehrani — untuk mengerti tujuannya, atau mengkritiknya.

Kegawatan sudah diketip lebih daripada 30 tahun dulunya. Boleh jadi novelet ini antara yang pertama dikarang oleh Faisal Tehrani menggunakan mesin taip buruknya itu. Semestinya kami merasa ia suatu penghormatan yang cukup besar, kerana diberi izin untuk menerbitkannya semula dalam bentuk persembahan yang baharu, untuk tatapan khalayak pembaca yang baharu, juga.

Terima kasih jua dikhususkan untuk Ezzwan Mardzi, sang artis yang melukiskan potret Faisal Tehrani yang serba molek, bagi kegunaan kulit buku *Kegawatan* dan *Crises*. Terima kasih yang terakhirnya, untuk semua jiwa-jiwa yang bersentuhan bahu dalam menyempurnakan niat penerbitan ini. Moga ada kebaikan untuk kita semuanya kelak.

pramuka

Enam kali karyaku diharamkan. Mads, engkau bertanya kepadaku, apakah perasaanku tatkala mendapat berita karyaku itu diharamkan oleh pemerintah? Adakah perasaan khuatir? Perasaan kalah? Atau perasaan kacau?

Aku berdiri di hadapan diriku sendiri, dan dia bertanya kepadaku: Hei, apakah karyamu yang pertama?

Kegawatan. Itu yang pertama. Mads juga masih ingat. Aku malah pernah bercerita kepadanya dengan penuh ghairah dalam surat-suratku ke Denmark. Aku memperihalkan segala sikapku pada waktu itu. Anehnya Mads tidak menghindarku, meski, dia mungkin merasakan gagasanku pada waktu itu agak kering, atau konservatif, atau terlalu mengikat diri kepada faktor budaya dan lingkungan agama.

Aku mengarangnya di usia 16 tahun, seingatku, ya aku menulisnya di umur 16 tahun. Manuskrip itu hanya kusimpan di dalam laci. Ia hanya kuterbitkan dalam tahun 2010, terlampir bersama sehimpunan cerita yang diberi tajuk *Tiga Kali Seminggu*. Pada tahun 2015, oleh kerana seluruh buku *Tiga Kali Seminggu* itu diharamkan oleh pemerintah makanya *Kegawatan* yang terselit sekali di dalamnya pun turut terheret

sama diharamkan. Jadi, *Kegawatan* versi bahasa Melayu adalah sebuah karya haram menurut pemerintah Malaysia.

Mads bertanya lagi kepadaku, bagaimana kita menanggapi ‘pekatnya agama’ dalam karyamu? Adakah ia boleh diperagakan di Barat, dalam keadaan Islam berdepan dengan banyak tafsiran dan tanggapan? Tidakkah ia hanya menakutkan pembaca?

Aku berdiri di hadapan diriku sendiri, dan dia bertanya kepadaku: Hei, mestikah kau menggugurkan Islam daripada karyamu demi mendapatkan perhatian pembaca antarabangsa?

Diriku yang lain tegak terpacul dan membalas pertanyaan tersebut. Sama seperti apa yang aku nukilkan untuk satu pertanyaan yang dikemukakan oleh sebuah jurnal sastera berbahasa Perancis, *Revue Jentayu* No. 4, “*Cartes et Territoires*” (2016); aku memberitahu jurnal tersebut:

“Aku fikir, adalah sulit untuk menyahkan Islam daripada penulisanku. Ijazah pertamaku adalah dalam pengajian Islam. Kajianku untuk ijazah doktor falsafah juga mengenai kesusasteraan Islam di Malaysia dan Indonesia. Di sisi peribadi pula, aku mempunyai denai yang tersendiri, bermula daripada menjadi seorang *Islamist*, ke Muslim ‘Progresif’. Sepanjang perjalanan tersebut, aku telah mengunyah pelbagai idea dan wacana — sebermula Salafi, ke Sufi, Syiah dan Islam Liberal. Untuk hal ini, aku fikir jarang berlaku di Malaysia kerana orang Islam di sini semakin menuju ke arah konservatisme. Hal ini jugalah, antara banyak sebab, yang seringkali pembaca menyalah anggap penulisan-penulisanku mempunyai

kecenderungan terhadap aliran pemikiran tertentu. Mereka, barangkalinya membaca tulisanku secara terpilih, bukan keseluruhan karya-karyaku. Aku percaya, orang sastrera perlu berkubang dengan segala macam, terutamanya idea-idea. Ambil novel ini yang sedang ku-tulis, ia bersimpul seputar perjalanan seorang pejuang hak asasi manusia yang sangat menginspirasi dan ranah yang dia diami. Novel ini merupakan pantulan diriku sendiri. Aku merupakan seorang *cultural relativist* jauh lebih dulu sebelum aku secara tidak sengaja menjadi pejuang hak asasi manusia. Bagaimana aku boleh berubah? Semuanya disebabkan aku mula menjadi intim dengan tradisiku sendiri. Aku berubah menjadi diriku yang baharu, seorang manusia serba sejagat. Aku percaya bahawa hak asasi manusia adalah berorientasikan Barat, dan kita harus mempunyai acuan kita yang tersendiri. Namun, semakin mendalam penggalianku dalam kesusasteraan lisan tempatan, semakin cerlang kelihatan nilai-nilai kesejagatannya. Ambil satu contoh, aku membaca mengenai pernyataan hak-hak dalam peribahasa Melayu, kebebasan bersuara dalam hikayat-hikayat lama, dan tambah lagi menarik, aku menemui idea kebebasan beragama dalam satu-satunya tafsir Quran yang ditulis dalam Bahasa Melayu, *Tafsir Nurul Ihsan* — yang menurut tafsir itu, malahan membenarkan orang Islam meninggalkan agamanya jika mereka fikir agama itu tidak lagi membawa kebaikan kepada kehidupan mereka. Aku fikir, karya-karyaku yang mutakhir, bukanlah penolakan kepada mana-mana sekalipun, baik Islam mahupun Barat; tetapi ia telah

meletakkan aku pada ‘jambatan’ yang menghubungkan kedua-dua birai tersebut. Hal ini, aku percaya bahawa adalah rumus yang ‘sesuai’. Aku tidak menulis untuk orang luar, tetapi untuk masyarakat Malaysiaku sendiri. Padaku, hal ini adalah suatu visi yang jauh lebih membina untuk masa depan Malaysia, berbanding ideologi kerajaan yang berteraskan etnik, atau elit sekular yang bertunjangan liberalisme Barat. Dalam konteks bentuk (*form*), karya-karyaku bukanlah hanya sekadar ceritera; ia juga merupakan suatu pernyataan sikap, pandangan dan pendirianku — justeru ia biasanya ditulis semacam berkhotbah, yang memberati pendekatan didaktik.”

Ada senyuman Mads. Jadi sisi akademikmu yang membuatkan engkau berubah kawan? Yakni, semakin banyak kau menggali warisan bangsamu, semakin engkau menemukan kesejagatan atau *universality*, begitu?

Aku hanya menjawab: Hei, nanti kita jumpa di Aarhus.

Mads, bertanya lagi apakah aku takut setelah diharamkan enam kali? Tambah-tambah pula, kerana aku dipinggir, pengharaman enam kali itu tidak sedikit pun dipandang oleh sesiapa di luar sana. Aku memberitahu Mads begini:

Aku fikir buku-buku tersebut, enam kesemuanya, diharamkan atas sebab aku memilih untuk meletakkan diriku secara ideologinya, berlawanan dengan projek ‘Islamisasi’ kerajaan Malaysia sekarang. Pihak berkuasa mungkin saja akan berdalih, mengulang-pakai alasan yang sama, seumpama ‘mengandungi unsur-unsur yang boleh mengelirukan orang

Islam dan menyebabkan kerosakan akhlak' atau 'mengganggu gugat ketenteraman awam dan mengandungi usur-unsur yang boleh mengelirukan dan merosakkan akidah orang Islam'. Ambil *Sebongkah Batu di Kuala Berang* sebagai contoh. Daripada penyelidikanku, aku mendapati bahawa jalur Islam pertama yang tiba di wilayah ini adalah Syiah. Lantas aku memuatkan idea ini ke dalam novel tersebut. Fakta ini sudah tentunya kedengaran terlalu membingungkan sewaktu memuncaknya era perang proksi antara Arab Saudi dan Iran. Tambahan pula, aku turut mengajukan dalam novel tersebut bahawa orang Islam sewajarnya berhenti menabur duit untuk membina masjid-masjid, tetapi memanfaatkan dana itu untuk menghasilkan lebih banyak filem yang menceritakan tentang sisi mereka sendiri. Tentunya, novel ini ditulis sewaktu proses perjalanan perkembangan diriku yang telah aku ceritakan sebelum ini, justeru pembaca boleh menangkap sisi-sisi kerasku berserakan di sana-sini. Tetapi penegasanku di sini bahawa, di Malaysia, 'Islam yang Terinstitusi' yang diperwakilkan oleh agensi kerajaan seumpama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, akan senantiasa cuba untuk mengawal selia setiap aspek dalam rutin kehidupan seharian kami. Mencabar status quo ini, bahkan penulis yang sohor seperti aku pun boleh berdepan dengan masalah. Aku antara penulis yang diraikan di Malaysia. Pengharaman tersebut merupakan suatu bentuk 'hukuman', namun begitu pengalaman tersebut hanya menguatkan lagi keazamanku untuk memperjuangkan

kumpulan terpinggir. Dikenakan pengharaman di Malaysia, adalah sebuah pengalaman yang sunyi, berkeseorangan. Kita semua tahu bahawa kesusasteraan mestilah bebas daripada kawal selia politik. Namun, pengharaman karya-karya aku telah menunjukkan bahawa kesusasteraan juga mesti bebas daripada kawal selia agama. Ia tidak sama jika kau adalah Salman Rushdie, yang mendapat tatangan istimewa daripada sekalian elit sastera dunia. Pengalaman tersebut cukup sunyi, bersendirian; terutamanya apabila kau berasal dari Malaysia — tatkala sudah berabad lamanya karya-karya dari rantau ini tidak dipedulikan oleh elit sastera antarabangsa. Jadi, tiada sesiapa pun peduli. Kau perlu berdiri dan berlawan sendirian. Kau terus menempik, namun tiada sesiapa pun sudi mendengar. Kau merantau keluar, bercerita keperitan ini, dengan harapan mereka akan memangku engkau, namun kedapatannya mereka lebih berminat dengan Langkawi dan Kinabalu. Aku mempunyai enam buah karya yang diharamkan. Ia seumpama engkau ditikam sebanyak enam kali tepat ke ulu hati. Untuk menjelaskan betapa jeleknya hal ini, empat buah karya Nadine Gordimer, penerima Hadiah Nobel Kesusasteraan 1991 telah diharamkan oleh pemerintah apartheid. Tetapi Malaysia bukan negara apartheid. Malaysia mendabik dirinya selaku sebuah negara yang sederhana. Sejauh mana teruknya pengharaman buku di negara ini? Sangat teruk. Pengharaman tersebut terletak di bawah Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Pengharaman itu turut takluk di bawah Seksyen 8(1) dalam Akta yang sama. Menurut

subseksyen 2 di bawah Seksyen 8 Akta tersebut, mana-mana orang yang mencetak, mengimport, menjual, atau ada dalam miliknya apa-apa hasil penerbitan larangan dalam negara ini boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya. Seperti yang aku nyatakan, dikenakan pengharaman di Malaysia adalah suatu pengalaman yang sunyi, bersendirian.

Mads kemudian hanya membalas dengan emel yang pendek: Faisal yang progresif menentang Faisal yang pernah konservatif. Kau memang aneh teman. Kau jarang memilih berlawan dengan orang. Kau malah memilih untuk menentang dirimu sendiri. Itu kegawatan yang sungguh mendebarkan sekali!

Lebih dua puluh tahun lalu, ketika aku masih remaja, aku ingin menyatakan sikapku. Aku percaya karya sastera dapat memberiku premis yang utuh untuk memperihalkan kedudukan sebuah bangsa. Sememangnya aku masih dalam perjalanan, seperti yang diungkap Mads dalam emel dan pertanyaannya yang bertubi-tubi. Berbanding remaja lain, aku membeli sebuah mesin taip buruk dan mulai mengetik huruf di atasnya untuk merakam perasaanku. Aku membangunkan sejumlah watak-watak, yang saling berlawanan. Ada kemungkinan watak-watak itu adalah diriku sendiri. Lebih gawat, watak-watak itu muncul baru-baru ini untuk mencabar diriku. Ia bagai menjelma mencari kewarasan dan kemunasabahan sendiri.

Ia adalah sebuah karya yang kutukang dengan penuh mencabar sekali. Di usia remaja, aku ingin dan kekal bercita-cita

untuk mendapat tempat dalam peta fikir dunia.

Apa yang kutulis? Begini, inilah yang kukarang untuk tatapan diri. Siapakah yang akan peduli kini setelah ia menjadi karya haram di Malaysia?